



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI
Ministry of Entrepreneur Development and Cooperatives

SIARAN MEDIA

MEDAC SEDIA INISIATIF BANTU USAHAWAN KE ARAH DIGITALISASI

PUTRAJAYA, 24 Ogos 2020 – Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) melalui SME Corp. Malaysia telah dipertanggungjawabkan sebagai peneraju salah satu teras di bawah Pelan Halatuju Strategik eDagang Kebangsaan (NESR) yang bertujuan mempercepatkan penerapan eDagang di kalangan usahawan.

Bagi tempoh 2016 sehingga 31 Mei 2020, sebanyak 322, 834 PKS telah menyertai platform eDagang manakala sebanyak 171,776 PKS telah menghadiri latihan melalui pelbagai program daripada rakan strategik eDagang, persatuan dan agensi kerajaan.

Sektor ICT menyumbang sebanyak RM 267.7 billion atau 18.5 peratus kepada komponen keluaran dalam negeri kasar (KDNK) bagi tahun 2018. Berdasarkan kajiselidik yang dijalankan oleh SME Corp. Malaysia mengenai adaptasi ICT di kalangan PKS, terdapat peningkatan dari segi penglibatan PKS dalam perniagaan di atas talian iaitu sebanyak 26 peratus kepada 37 peratus pada tahun 2018.

Bagi tahun 2019, penyertaan PKS dalam perniagaan di atas talian adalah sebanyak 35.3 peratus. Sehingga 31 Januari 2020, sebanyak 276,176 entiti telah berdaftar sebagai perniagaan di atas talian melalui pendaftaran di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

Berdasarkan kajiselidik Digital PKS Malaysia 2018 yang dilaksanakan oleh SME Corp. Malaysia dan Huawei Technologies Malaysia Sdn Bhd, majoriti PKS menggunakan komputer dan internet sebagai medium operasi perniagaan.

Kajiselidik juga mendapati bahawa PKS masih menghadapi masalah untuk menambahbaik operasi perniagaan daripada pengkomputeran ke digitalisasi.

Ini adalah disebabkan PKS menghadapi isu dari segi kos, teknologi, infrastruktur dan kemahiran penggunaan digital dalam operasi syarikat.

Walaupun terdapat peningkatan dalam jumlah penyertaan usahawan PKS dalam platform pendigitalan, pada pandangan saya jumlah peratusan usahawan PKS yang berpindah kepada platform eDagang ini masih boleh dipertingkatkan lagi, terutamanya usahawan-usahawan PKS di kawasan luar bandar dan usahawan yang terjejas akibat pandemic Covid-19.

MEDAC juga telah menyediakan pelbagai kursus dan program berkenaan pendigitalan perniagaan kepada usahawan-usahawan yang berminat untuk mengembangkan perniagaan atau bertukar konsep perniagaan mereka sediaada kepada platform eDagang.

Agensi-agensi seperti INSKEN, SME Corp serta Institut Koperasi Malaysia (IKM) telah menyediakan pelbagai program dan kursus secara dalam talian.

Bagi membantu lebih ramai usahawan dalam aplikasi digital, SME Corp. Malaysia telah menjalankan program di bawah:

- i) Program Micro Connector – Warong Rider merupakan platform servis penghantaran makanan dan barangan yang dapat membantu golongan belia, peniaga dan penjaja kecil di seluruh Malaysia bagi memasarkan pelbagai produk di kawasan setempat. Seramai 3,000 rider dijangka dapat dilahirkan di bawah program ini.
- ii) Women Netpreneur – Sesi Bengkel bagi membantu dan menggalakkan golongan wanita untuk menjalankan perniagaan dalam talian. Seramai 1,592 (dari 2017 hingga 2019) wanita telah mendapat manfaat daripada bengkel tersebut.
- iii) Program Micro Connector – Sehingga kini sebanyak 201 syarikat mikro telah mendapat manfaat melalui latihan penggunaan aplikasi digital dalam operasi perniagaan.

Dalam pada itu, saya telah meminta Kementerian dan semua agensi-agensi di bawah MEDAC untuk memikirkan, meneliti inisiatif baru dan melaksanakan program-program tambahan bagi membantu serta meningkatkan lagi jumlah usahawan eDagang.

Untuk mengadaptasi ekonomi digital secara menyeluruh, PKS mesti melakukan kejuruteraan semula (re-engineering) perniagaan dengan memastikan strategi, proses dan infrastruktur perniagaan mereka sejajar dan bersepadu untuk menyokong transformasi digital.

Melangkah ke hadapan, ICT mempunyai peranan yang besar untuk menggandakan pertumbuhan PKS bukan sahaja melalui peningkatan dalam kecekapan dan produktiviti, tetapi juga dalam memperluas jangkauan pasaran mereka.

DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI TUANKU JAAFAR
MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI